

Enam orang terbunuh termasuk isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Pakistan

Helikopter bawa diplomat terhempas

ISLAMABAD - Isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Pakistan, Datin Habibah Mahmud, 50-an, adalah antara enam orang yang terbunuh dalam nahas sebuah helikopter tentera yang terhempas di Lembah Naltar, Gilgit, utara Pakistan semalam.

Menurut jurucakap tentera, Asim Bajwa, turut maut dalam nahas di lokasi yang terletak kira-kira 300 kilometer di utara Islamabad ialah Duta Norway, Leif H. Larsen, Duta Filipina, Domingo D. Lucenario Jr. dan isteri Duta Indonesia.

Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Sharif menaiki sebuah pesawat lain menuju ke kawasan pergunungan Gilgit untuk melancarkan dua projek apabila nahas berlaku. Beliau berpatah balik ke Islamabad, menurut pejabatnya.

Helikopter yang membawa diplomat terbabit turut dalam



FOTO terakhir Habibah (dua dari kiri) ketika menaiki helikopter tentera bersama Hasrul Sani (tiga dari kiri) dan diplomat lain untuk berlepas ke Gilgit. Foto dimuat naik oleh Hasrul Sani melalui Facebooknya.



HELIKOPTER yang membawa Habibah dan diplomat asing terhempas dan menghempap sebuah sekolah di Gilgit semalam. Gambar kecil: Model helikopter Mi-17 yang dinaiki mangsa.



PETA lokasi kejadian helikopter terhempas di Gilgit, Pakistan

perjalanan ke pergunungan Gilgit untuk menghadiri majlis perasmian projek berkenaan.

Asim berkata, dua jurutera helikopter itu turut maut. "Duta Poland dan Belanda pula merupakan antara mangsa yang cedera," katanya.

Asim bagaimanapun tidak mendedahkan punca helikopter itu terhempas, namun beberapa saksi menyatakan ia mungkin berpunca daripada masalah teknikal.

Menurut media Pakistan, helikopter jenis Mi-17 itu membawa 11 warga asing dan enam rakyat tempatan apabila ia jatuh menghempap sebuah sekolah di Gilgit dan terbakar.

Sementara itu, kumpulan militan Taliban di Pakistan mengaku menembak sebuah helikopter menggunakan peluru berpandu dengan harapan dapat menembak jatuh pesawat Nawaz.

"Nawaz Sharif dan sekutunya merupakan sasaran utama

kami," kata jurucakap Taliban, Muhammad Khurasani dalam satu kenyataan kepada agensi berita Reuters melalui e-mel.

Dalam pada itu di Kuala Lumpur, Kementerian Luar mengesahkan sebuah helikopter tentera Pakistan telah terhempas di kawasan Lembah Naltar semalam.

Menurut kenyataan itu, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Pakistan, Datuk Dr. Hasrul Sani Mujtabar yang turut berada di

dalam helikopter hanya cedera dan sedang menerima rawatan di Hospital Gilgit.

Dalam pada itu, tinjauan Kosmo! malam tadi mendapati ahli keluarga pasangan Hasrul Sani dan Habibah sudah mula berkumpul di kediaman mereka di Nilai, Negeri Sembilan.

Bagaimanapun, ahli keluarga yang ditemui enggan mengulas mengenai kejadian itu kerana belum mendapat maklumat lanjut daripada Wisma Putra.